

MINAT PELAJAR WANITA DALAM MATA PELAJARAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI SEKOLAH

Yahya B. Buntat & Norliza Binti Ensa
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional di sekolah. Sampel kajian adalah terdiri daripada 132 orang pelajar wanita tingkatan 4 yang mengambil matapelajaran ini di tiga buah sekolah menengah harian di daerah Pontian, Johor. Sekolah yang dipilih adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tanjung, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Baloi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Kerang. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Data dan maklumat yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Version 11.5 for Windows dan dilaporkan dalam bentuk frekuensi, peratusan dan min. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan Ujian *Cronbach's Alpha* dengan nilai keseluruhan 0.840. Hasil kajian mendapati bahawa minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor persekitaran, faktor kesedaran sendiri, faktor media dan sebagainya. Minat pelajar juga didapati didorong oleh banyak elemen seperti peralatan di bengkel, pembelajaran secara teori dan amali serta guru di sekolah tersebut. Pelajar juga didapati mempunyai persepsi positif terhadap bidang teknik dan vokasional. Hasil kajian juga menunjukkan situasi persekitaran pada hari ini dapat mempengaruhi minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional. Secara keseluruhannya, pelajar wanita didapati berminat mempelajari mata pelajaran teknik dan vokasional dan tidak mempunyai masalah walaupun mata pelajaran ini merangkumi pembelajaran secara teori dan amali. Minat untuk mempelajari sesuatu perkara amat penting kerana minat mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar.

ABSTRACT : This research intends to survey the interest of form 4 female students in technical and vocational subject at the school. The sample consisted of 132 female students undertaking the subject stated in three schools in the Pontian, Johor. The schools have chosen are Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tanjung, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Baloi and Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Kerang. Instrument used in this research is questionnaires. Data and information is processed and analyze through the *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Version 11.5 for Windows to find the frequency, percentages and mean. The reliability of questionnaire was tested by using the *Cronbach's Alpha* with the value 0.840. The result from this research show the interest of female students in technical and vocational subject influence by many factors such as environment factor, self aware factor, media factor and many more. Interest of female students also actuate by many element such as instrument in workshop, learning in theory and practical and teacher in that school. Students also have a positive perception in technical and vocational. The result from this research also shows the environment situation today can influence the interest of female students in technical and vocational subject. This research indicated that female student interest in subject technical and vocational even this subject included tutorial and hands on learning outcome. Furthermore, they never face any difficulty to learn this subject. The most important thing that influence student achievement if their interesting in learning that subject.

Katakunci : *Statistical Package for Social Science* (SPSS), *technical and vocational subject, pelajar wanita.*

PENGENALAN

Semenjak mencapai kemerdekaan 52 tahun yang lalu, Malaysia telah berkembang dengan pesat dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan dan pendidikan. Sistem pendidikan di Malaysia juga telah berubah dan terpaksa menerima cabaran disebabkan oleh perubahan itu. Begitu juga pendidikan teknikal dan vokasional telah berubah dan berkembang bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian, sekali gus negara maju (Shahril@Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999).

Tujuan pendidikan teknik ialah untuk menyediakan pelajar yang cenderung kepada bidang teknik diperingkat pendidikan menengah atas bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dalam bidang teknik. Selain itu, bidang ini juga membolehkan pelajar mendapat pekerjaan di sektor teknikal, perindustrian dan perdagangan.

Tujuan pendidikan vokasional pula ialah untuk melahirkan pelajar yang cenderung kepada bidang vokasional di peringkat pendidikan menengah atas. Kursus-kursus yang diadakan ialah untuk membolehkan pelajar mendapatkan pengetahuan asas vokasional dan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan sebagai tenaga mahir dan separuh mahir dalam sektor perindustrian, perdagangan dan pertanian.

Minat merupakan faktor terpenting dalam menjamin kejayaan seseorang yang mengambil mata pelajaran teknik dan vokasional ini. Mata pelajaran ini amat penting kerana pendidikan ini telah menjadi satu keperluan yang mendesak bagi melahirkan tenaga kerja yang benar-benar berkemahiran. Ini secara tidak langsung dapat memenuhi sasaran Malaysia bagi menyediakan tenaga kerja ini menjelang tahun 2020.

Minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong kita supaya memberi perhatian kepada seseorang, sesuatu benda atau kegiatan atau ia boleh merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Dalam perkataan lain, minat boleh jadi punca kepada sesuatu kegiatan dan hasil dari penyertaan dalam kegiatan itu. Arahkan pemikiran kita dipengaruhi oleh kerana minat kita berkaitan dengan situasi di mana kita berada. Tingkah laku kita dipengaruhi oleh pengalaman deria dan kesedaran pengamatan yang membolehkan perubahan perhubungan di antara idea dengan proses pemikiran (Crow dan Crow, 1983).

Kerja tidak dapat diselesaikan tanpa mengeluarkankan usaha. Lebih susah sesuatu tugas itu, lebih banyak pula tenaga yang diperlukan untuk melakukan sesuatu kerja yang baik. Pembelajaran tidak dikecualikan pada penyeluruhan ini. Penguasaan sepenuhnya dalam sesuatu mata pelajaran atau kemahiran mungkin memerlukan pemberian perhatian yang lebih teliti. Akan tetapi, mujurlah aspek yang payah dalam kerja sekolah boleh dihapuskan apabila minat diperkenalkan ke dalam gerak kerja itu (Crow dan Crow, 1983).

Sesuatu minat yang telah dibangkitkan dalam sesuatu bidang mata pelajaran mungkin akan dapat membuat pelajar terus berfikir dalam lapangan itu sehingga dia menguasai mata pelajaran tersebut. Pencapaian yang berjaya pula, akan menambahkan minatnya, yang akan berterusan sepanjang hidup. Minat murid dalam matematik, sains, bahasa asing atau salah satu mata pelajaran lain boleh di dasarkan kepada bakat sebenar dalam bidang tertentu. Apabila pengajiannya diteruskan, kecekapan yang lebih disertai pula dengan minat yang bertambah di dapati bukan sahaja dalam bidang tertentu (Crow dan Crow, 1983).

PERNYATAAN MASALAH

Seperti yang diketahui umum, lelaki dan wanita mempunyai perbezaan dari segi minat terhadap pelajaran. Tahap dan sikap pelajar berbeza antara lelaki dan perempuan. Pelajar perempuan lebih berminat topik yang berbentuk teori berbanding lelaki yang meminati kerja-kerja amali (Rohaidah Daud, 1997). Ramai yang mengatakan bidang yang mencabar adalah di luar kuasa wanita dengan alasan mereka tidak tahan menerima tekanan, lemah dan kurang berkemampuan. Menurut A.D.C Peterson (1987), selagi diterima bahawa wanita itu hanya “kaum yang lemah dan bergantung” kepada lelaki sebagai isteri atau anak perempuan maka galakan untuk pengajian tinggi agak sedikit bagi menyediakan mereka untuk sebarang kerja lain, selain yang dikatakan sebagai memenuhi apa yang ditetapkan Tuhan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional di sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui pasti faktor yang mempengaruhi minat pelajar wanita mempelajari mata pelajaran teknik dan vokasional.
2. Mengetahui pasti elemen yang mendorong minat pelajar wanita terhadap mata pelajaran teknik dan vokasional.
3. Mengetahui persepsi pelajar wanita mengenai bidang teknik dan vokasional.
4. Mengetahui pasti situasi persekitaran pada hari ini yang mempengaruhi minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat minat pelajar wanita di sekolah menengah dalam mata pelajaran teknik dan vokasional yang ditawarkan. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan lagi minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional yang disediakan di sekolah.

Dalam pembangunan sebuah negara yang maju, pendidikan teknik dan vokasional perlulah melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kesediaan diri yang kukuh dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosialnya (JERIS). Sebagai sebuah negara maju, pembangunan pesat berlaku dalam pelbagai bidang dan setiap bidang memerlukan sepenuh perhatian.

BATASAN KAJIAN

Penyelidik membataskan kajian yang dilakukan meliputi aspek-aspek yang mengkaji minat pelajar wanita terhadap mata pelajaran teknik dan vokasional di tiga buah sekolah menengah di daerah Pontian. Ianya hanya tertumpu di kalangan pelajar-pelajar wanita di tingkatan empat sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Mohd. Majid Konting (2005), reka bentuk sesuatu penyelidikan adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. Kajian ini merupakan suatu penyelidikan berbentuk deskriptif yang dijalankan secara tinjauan melalui soal selidik. Pengukuran menggunakan kaedah soal selidik ini mengandungi 31 item soalan yang memerlukan responden menjawab setiap pernyataan yang diberi. Kajian ini akan mendapat tindakbalas daripada pelajar wanita yang mengambil mata pelajaran teknik dan vokasional di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tanjung, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Balo dan

Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Kerang. Soal selidik ini direka khas untuk meninjau minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional di sekolah.

Dengan mengambil kira faktor ciri populasi, keadaan populasi, kesukaran dan faktor kewangan, penyelidik memilih pendekatan yang terbaik bagi memperoleh data yang dapat dipercayai kesahannya. Walau bagaimanapun, dalam memilih pendekatan yang sesuai, penyelidik juga perlu memilih pendekatan yang praktikal dari segi kos dan jangka masa (Azizi Yahaya *et al.*, 2007).

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 di tiga buah sekolah di daerah Pontian yang menawarkan mata pelajaran teknik dan vokasional iaitu seramai 200 orang pelajar. Sekolah-sekolah ini menawarkan mata pelajaran teori dan amali. Mata pelajaran teori adalah seperti Prinsip Akaun, Perdagangan dan Ekonomi Asas manakala mata pelajaran amali seperti Reka Cipta, Ekonomi Rumah Tangga, Lukisan Kejuruteraan, Sains Pertanian, Mata Pelajaran Vokasional, Katering dan juga Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Taburan bilangan populasi berjumlah 200 orang pelajar wanita tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran teknik dan vokasional di tiga buah sekolah di daerah Pontian.

Menurut Azizi Yahaya *et al.* (2007), sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi atau sebaliknya. Teknik persampelan yang digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat adalah merujuk kepada jadual Krejcie, R. V and Morgan D.W. yang menunjukkan kadar penentuan jumlah sampel daripada populasi. Merujuk kepada jadual tersebut menunjukkan bilangan sampel adalah seramai 132 orang daripada bilangan populasi iaitu 200 orang. Pemilihan sampel kajian dilaksanakan secara rawak kelompok atas kelompok di mana terdapat beberapa peringkat pemilihan sampel secara pengkelasan dilakukan. Seramai 132 orang pelajar wanita tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran teknik dan vokasional telah dipilih secara rawak daripada tiga buah sekolah di daerah Pontian.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang dijalankan adalah berbentuk soal selidik. Pemilihan soal selidik sebagai instrumen kerana ia dapat memberikan respon yang lebih tepat kerana responden tidak berhadapan dengan pengkaji semasa menjawab soalan-soalan tersebut. Sebagaimana menurut Mohd. Majid Konting (2005), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan. Penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan sampel kerana tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Responden bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap soalan yang diberikan.

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji keesahan, kebolehpercayaan dan kefahaman pelajar dari segi bahasa dan isi kandungan item soalan. Kajian rintis tersebut telah dijalankan ke atas 15 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Teknik dan Vokasional di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Renggam, Kluang, Johor. Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Version 11.5 for Windows. Ujian kebolehpercayaan boleh dilakukan dengan menggunakan Ujian Cronbach's Alpha. Hasil analisis didapati bahawa kebolehpercayaan instrumen kajian mengikut pekali alpha ialah 0.8397.

Menurut Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003), satu lagi ujian statistik yang popular ialah ujian *Alpha Cronbach* (atau *Kuder Richardson*) yang melihat korelasi satu item dengan item yang lain yang setara dengannya atau yang menyoal konsep yang sama. Nilai indeks adalah antara 0 hingga 1. Nilai hampir 0 bermakna tahap kebolehpercayaan yang sangat rendah dan nilai yang hampir kepada 1 ialah tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Nilai 0.8 didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat. Sekiranya nilai adalah lebih rendah daripada 0.8, pengkaji perlu mengubahsuai item dan seterusnya melaksanakan kajian rintis sekali lagi sehingga mencapai tahap nilai 0.8 ke atas.

ANALISIS DATA

Dapatan analisis menunjukkan seramai 112 orang (84.8 peratus) responden berbangsa melayu. Manakala responden berbangsa cina seramai 20 orang (15.2 peratus).

Terdapat seramai 112 orang (84.8 peratus) responden beragama Islam dan 20 orang (15.2 peratus) responden berbangsa Cina.

Seramai 25 orang responden (18.9 peratus) mendapat gred A. Manakala, responden yang mendapat gred B adalah seramai 59 orang (44.7 peratus). Ini diikuti dengan responden yang mendapat gred C adalah seramai 39 orang (29.5 peratus). Responden yang mendapat gred D pula mencatatkan seramai 9 orang (6.8 peratus).

Hasil analisis bagi persoalan kajian pertama menunjukkan bahawa julat min adalah di antara 3.48 sehingga 4.39. Min keseluruhan bagi persoalan kajian pertama adalah 3.94.

Nilai min terendah pula dicatatkan pada item 1 iaitu mengenai ibu bapa mempengaruhi pelajar supaya meminati mata pelajaran teknik dan vokasional. Seramai 46 orang responden (34.8 peratus) menunjukkan setuju dengan pernyataan tersebut. Ini diikuti dengan responden yang menjawab tidak setuju dan sangat setuju iaitu seramai 34 orang (25.8 peratus). Seramai 10 orang responden (7.6 peratus) yang tidak pasti dengan pernyataan ini dan 8 orang responden (6.1 peratus) menyatakan sangat tidak setuju.

Min tertinggi bagi persoalan kajian ini adalah pada item 15 iaitu 4.42. Terdapat 70 orang responden (53.0 peratus) menyatakan sangat setuju bahawa Alat Bantuan Mengajar (ABM) seperti carta dan gambarajah yang digunakan oleh guru dapat membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan pelajaran. Manakala 54 orang responden (40.9 peratus) setuju, 5 orang responden (3.8 peratus) tidak setuju, 2 orang responden (1.5 peratus) tidak pasti, serta seorang responden (0.8 peratus) menyatakan sangat tidak setuju.

Nilai min terendah bagi persoalan kajian kedua ini pula ialah pada item 11. Seramai 55 orang responden (41.7 peratus) menunjukkan setuju dengan pernyataan tersebut bahawa pelajar lebih selesa belajar dalam suasana bengkel. Ini diikuti dengan 32 orang responden (24.2 peratus) menjawab tidak setuju, 31 orang responden (23.5 peratus) sangat setuju, 8 orang responden (6.1 peratus) menyatakan tidak pasti dan 6 orang responden (4.5 peratus) menyatakan sangat tidak setuju.

Item 24 menunjukkan nilai min tertinggi bagi persoalan kajian ketiga ini iaitu 4.56. Seramai 77 orang responden (58.3 peratus) menyatakan sangat setuju bahawa bidang teknik dan vokasional membolehkan para pelajar menyalurkan kreativiti. Manakala 54 orang responden (40.9 peratus) menyatakan setuju, seorang responden (0.8 peratus) menyatakan sangat tidak setuju dan tiada seorang pun menyatakan tidak setuju dan tidak pasti bagi pernyataan item ini.

Nilai min terendah adalah merujuk kepada item 18 dengan nilai 3.80 iaitu mengenai gaji bagi lulusan bidang teknik dan vokasional lebih sedikit berbanding bidang sains. Seramai 50 orang responden (37.9 peratus) menyatakan setuju, 40 orang responden (30.3 peratus) menyatakan sangat setuju, 20 orang responden (15.2 peratus) menyatakan tidak pasti, 19 orang responden (14.4 peratus) menyatakan tidak setuju dan 3 orang responden (2.3 peratus) menyatakan sangat tidak setuju.

PERBINCANGAN

Faktor yang mempengaruhi minat pelajar wanita terhadap sesuatu mata pelajaran amat penting bagi menggalakkan pelajar supaya mempunyai rasa minat terhadap mata pelajaran tersebut. Seseorang pelajar memerlukan sokongan dan juga dorongan untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran di sekolah. Ini adalah penting untuk meningkatkan lagi semangat untuk pelajar wanita belajar terutama bagi mata pelajaran yang memerlukan penggunaan tenaga seperti amali di sekolah. Sokongan dan dorongan amat penting untuk mengekalkan rasa minat mereka. Sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru, rakan, kesedaran sendiri, media dan juga persekitaran amat penting bagi mempengaruhi pelajar agar meminati sesuatu mata pelajaran yang diajar di sekolah. Minat dan kecenderungan memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi pencapaian pembelajaran seseorang pelajar. Seseorang pelajar yang mempunyai minat akan mendorong pelajar tersebut untuk berusaha sehingga berjaya walaupun memerlukan cabaran fizikal.

Hasil dapatan menunjukkan faktor persekitaran merupakan faktor tertinggi yang mendorong minat pelajar wanita dengan catatan min 4.39. Faktor persekitaran boleh mendorong minat pelajar kerana pelajar sering terdedah kepada persekitaran yang boleh membangkitkan minat pelajar. Ini disokong oleh Kamarudin Hj. Husin 1997, yang menyatakan bahawa perubahan tingkah laku manusia banyak dipengaruhi oleh alam sekeliling yang berperanan membentuk dan mengubahsuai perlakuan tersebut. Menurut mazhab ini lagi, tingkah laku manusia adalah ditentukan oleh pengalaman lampau serta keadaan disekeliling mereka.

Faktor terakhir yang mempengaruhi minat pelajar adalah faktor daripada ibu bapa dengan nilai min 3.48. Faktor ini turut menyumbang kepada pengaruh terhadap minat pelajar kerana ibu bapa adalah golongan yang paling rapat dengan pelajar. Ini kerana mereka mempunyai pertalian darah dan ibu bapa lebih tahu perkara yang diminati oleh anak-anak mereka. Ibu bapa juga adalah golongan yang mempunyai masa yang panjang bersama anak-anak ketika berada di rumah. Masa tersebut boleh diluahkan untuk anak-anak mereka yang memerlukan perhatian di dalam pembelajaran. Hasil dapatan data tersebut jelas mempersetujui pendapat Koh (1982 dalam Hamimah Bte Othman, 2000) yang mengatakan sikap ibu bapa yang sentiasa mengambil tahu tentang pembelajaran anaknya menjadi penggerak kepada minat pelajar tersebut. Hasil daripada beberapa kajian mendapati bahawa sikap positif dari ibu bapa terhadap pendidikan bagi pembelajaran anaknya akan dapat meningkatkan lagi prestasi akademik, minat dan seterusnya pencapaian anak-anak. Pencapaian pelajar dalam pelajaran akan dikaitkan pula dengan jenis pekerjaan yang bakal dijawat oleh pelajar kelak. Oleh itu, ibu bapa hendaklah memainkan peranan mengenai minat anak-anak mereka sehingga mereka akan bekerja satu hari nanti. Ibu bapa perlu menjadi penasihat kepada anak-anak dalam menentukan kerjaya anak-anak kerana ibu bapa lebih mengetahui berbanding anak-anak mereka yang masih mentah. Ini bersesuaian dengan pendapat Crow dan Crow (1983), terlalu kerap minat kerja yang sepatutnya ada pada para belia itu tidak mencerminkan keinginan mereka sendiri tetapi cita-cita ibu bapa mereka. Pada masa mudanya ibu atau bapa mungkin pernah berminat dalam sesuatu jenis kegiatan kerja tetapi tidak diberi peluang memasukinya dan dia telah berazam bahawa anaknya akan mendapat "faedah" yang tidak pernah dialaminya itu. Pengaruh ibu bapa juga boleh dilihat dalam hal di mana seorang bapa yang telah berjaya dalam sesuatu lapangan mendesak supaya anaknya juga patut menyediakan dirinya untuk masuk serta dalam lapangan yang sama walaupun minat dan aptitude kanak-kanak itu mengarahnya ke lapangan yang lain.

Hasil daripada dapatan kajian mendapati elemen penggunaan Alat Bantuan Mengajar (ABM) adalah elemen tertinggi yang mendorong minat pelajar wanita dalam mata pelajaran teknik dan vokasional dengan catatan nilai min 4.42. Hasil kutipan data tersebut menunjukkan ramai pelajar lebih gemar

sekiranya guru menggunakan ABM ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Penggunaan Alat Bantuan Mengajar dapat membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan pelajaran. Pelajar yang lebih memahami perkara yang diajar oleh guru dengan menggunakan Alat Bantuan Mengajar akan menganggap pembelajaran tersebut mudah dan menarik. Elemen ini turut mendorong minat pelajar dalam mata pelajaran teknik dan vokasional. Ini sejajar dengan pendapat Ee Ah Meng (1994), sumber pengajaran-pembelajaran yang dirancang hendaklah terdiri daripada Alat Bantu Mengajar yang menarik serta boleh memenuhi perasaan ingin tahu murid-murid ketika guru mengajar. Bahan pelajaran yang dirancang hendaklah mengambil kira minat dan pengetahuan sedia ada murid-murid.

Selain daripada penggunaan Alat Bantuan Mengajar, elemen penyampaian pengajaran yang menarik oleh guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran turut memaparkan antara elemen yang tertinggi dengan catatan nilai min 3.97. Minat pelajar terhadap sesuatu pembelajaran bergantung kepada guru yang mengajar. Guru adalah insan yang menentukan pelajar-pelajarnya berasa seronok atau sebaliknya ketika belajar. Pembelajaran yang berkesan adalah pembelajaran yang menyeronokkan dan bukannya pembelajaran yang membosankan. Hasil dapatan menunjukkan guru sering menyampaikan pengajaran yang menarik yang dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari mata pelajaran teknik dan vokasional. Ini jelas menunjukkan cara penyampaian pengajaran yang disampaikan oleh guru dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran. Ini bersesuaian dengan pendapat Ee Ah Meng (1994) yang menyatakan kesihatan mental dan sosial pelajar-pelajar merupakan aspek penting dalam pengurusan bilik darjah. Sekiranya seseorang guru berjaya mewujudkan suasana sosioemosi bilik darjah yang baik, maka murid-murid akan menikmati keseronokan pengajaran dan pembelajaran.

Persepsi tertinggi yang dicatatkan adalah persepsi mengenai bidang teknik dan vokasional membolehkan para pelajar menyalurkan kreativiti dengan nilai min 4.56. Persepsi ini merupakan persepsi tertinggi kerana pelajar merasakan bidang teknik dan vokasional adalah bidang yang dapat mendidik pelajarnya menjadi seorang yang berfikiran kreatif. Ramai pelajar yang bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana mereka sendiri mengalami situasi tersebut. Mereka perlu kreatif ketika menghasilkan sesuatu projek supaya projek mereka dapat menarik perhatian guru dan rakan-rakan. Kekreatifan mereka amat penting bagi menggalakkan mereka terus berfikir secara kreatif terutama apabila bekerja kelak. Menurut Oakes (1986 dalam Haji Yahya B. Emat, 2005), kurikulum pendidikan teknik dan vokasional yang dapat menghasilkan pekerja yang berkemahiran, fleksibel, boleh berfikir dengan kreatif dan mempunyai nilai-nilai yang murni akan menjadi sumbangan ke arah menjayakan hasrat negara untuk meningkatkan produktiviti dan memajukan ekonomi kita. Ini dikukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Ismail Abdullah (1993), kemahiran yang diperolehi dalam kerja amali menanamkan sifat kreatif dan inovatif yang membolehkan mereka mengaplikasikan kemahiran-kemahiran tersebut untuk membaik pulih kerosakan kecil di rumah serta menggunakan bahan buangan untuk membuat sesuatu yang berfaedah.

Persepsi pelajar yang tinggi terhadap pernyataan di atas dikuatkan lagi dengan persepsi bidang teknik dan vokasional dapat mengurangkan masalah disiplin di kalangan pelajar seperti ponteng sekolah dengan catatan min 4.34. Ini kerana, pelajar yang lebih cenderung kepada bidang kemahiran akan menunjukkan minat mereka dengan cara datang ke sekolah untuk belajar amali bagi memantapkan lagi kemahiran yang telah sedia ada. Dengan ini, masalah disiplin akan dapat dikurangkan dan di dalam sesebuah sekolah, murid-murid yang berdisiplin berperanan untuk menghasilkan pencapaian objektif yang berkesan (Haji Yahya B. Emat, 2005).

Situasi persekitaran tertinggi yang dapat mempengaruhi minat pelajar adalah situasi mengenai semakin banyak institusi kemahiran yang dibuka pada masa sekarang dengan catatan min 4.55. Pelajar kelihatan lebih bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana semakin banyak institusi kemahiran yang dibuka di kawasan berdekatan tempat tinggal mereka. Ini dikukuhkan lagi oleh Haji Yahya B. Emat (2005), yang mengatakan di Malaysia terdapat beberapa buah institusi kemahiran yang telah diwujudkan seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran MARA (IKM) dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Majid Khan (2007). "Guru Sebagai Penyelidik." Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- A.D.C Peterson (1987). "Pendidikan Seratus Tahun." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al.Ramaiah (1992). "Kepimpinan Pendidikan (Cabaran Masa Kini) ." Petaling Jaya : IBS Buku Sdn. Bhd.
- Atan Long (1982). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya *et al.* (2007). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1988). "Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih." Selangor : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng (1994). "Psikologi dalam Bilik Darjah." Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Haji Hamdan Bin Sheikh Tahir (1975). "Pendidikan Hari Ini untuk Hari Esok." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Yahya B. Emat (2005). "Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia." Kuala Lumpur : IBS Buku Sdn.Bhd.
- Hamimah Bte Othman (2000). "Minat Pelajar Perempuan Terhadap Komponen Kemahiran Manipulatif, Kemahiran Hidup Bersepadu- Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Di Johor Bahru." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Hasan Langgulung (1983). "Psikologi dan Kesihatan Mental Di Sekolah-Sekolah." Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin (1997). "Psikologi Bilik Darjah (Asas Pedagogi)." Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Lester D. Crow dan Alice Crow (1983). "Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (2005). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). "Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Salleh Lebar (2007). "Sosiologi Sekolah & Pendidikan." Selangor : Thinker's Library Sdn.Bhd.
- Musa Bin Daia (1978). "Prinsip Am Pendidikan." Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.
- Noor Gayah Binti Mat Khan (2001). "Minat Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Akademik Daerah Hilir Perak Terhadap Mata Pelajaran Reka Cipta." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Omar Saiddin (1995). "Tanggapan Pelajar Perempuan Terhadap Kerja Amali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup -Satu Tinjauan." Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Rohaidah Daud (1997). "Sikap Dan Minat Pelajar Terhadap Komponen Perdagangan Keusahawanan Kemahiran Hidup Di Empat Buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru-Satu Tinjauan." Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.

Shahril@Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). "Isu Pendidikan Di Malaysia, Sorotan dan Cabaran." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Syarifah Alwiah Alsagoff (1986). "Psikologi Pendidikan II (Psikologi Pembelajaran & Kognitif, Bimbingan & Kaunseling." Kuala Lumpur : Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.

S.Farrant (1977). "Prinsip Dan Amali Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.